

Kes bolot, pajak tapak niaga sukar buktikan

Penyewa tidak mengaku miliki lot pasar ketika operasi pihak berkuasa

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPPT) sukar membuktikan kes individu memborong lot niaga pasar borong milik pihak berkuasa tempatan (PBT) dan kemudian disewakan kepada pihak ketiga.

Timbalan Menterinya, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad Baharuddin Shah, berkata ini kerana ketika operasi penguatuasaan undang-undang dijalankan, penyewa terbabit tidak mengakui lot perniagaan berkenaan milik mereka, sebaliknya mendakwa pekerja.



Keratan akhbar BH, semalam.

Beliau berkata, sistem pajakan atau memborong lot niaga juga sepatutnya tidak berlaku kerana setiap penyewa mempunyai kuota tertentu ditetapkan PBT mengikut permintaan di sesuatu kawasan.

Katanya, jika permintaan di kawasan berkenaan tinggi, kuota ditetapkan untuk seorang penyewa adalah sedikit bagi memastikan tidak berlaku kes pihak tertentu membolot lot perniagaan dise diakan oleh PBT.

"Kuota berkenaan ditetapkan oleh PBT dan pihak berkuasa terbabit sepatutnya tidak membentarkan pihak tertentu memborong lot niaga sehingga menyebabkan pihak lain yang mahu bermula terpaksa menyewa dengan mereka," katanya ketika dihubungi, semalam.

BH semalam melaporkan penguasaan pasaran ikan oleh kartel, kegiatan menyewa Permit Kelulusan (AP) kubis, jualan lot niaga borong sehingga RM1.3 juta,

kebergantungan kepada negara sumber yang terhad serta kekurangan produk tempatan, menjadi punca kenaikan harga lima belahan makanan utama rakyat negara ini.

Sebelum ini, BH mendedahkan kes warga asing bermiaga di pasar borong, malah ada juga yang bermiaga di luar kawasan pasar tani Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Ditanya mengenai ada warga asing didakwa bermiaga di kawasan pasar awam kendalian PBT di seluruh negara, Raja Kamarul Bahrin berkata perkara itu sepatutnya tidak berlaku.

Katanya, PBT hanya mengeluarkan lesen kepada warga tempatan dan menjadi kesalahan jika mereka mengeluarkannya kepada warga asing.

"Keadaan ini tidak sepatutnya berlaku dan ia adalah satu kesalahan, apakah lagi warga asing datang ke negara kita untuk bekerja mengikut permit kerja mereka mohon bukannya bermiaga," katanya.